



12 September 2012
12 September 2012
P.U. (A) 289

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 6) 2012

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA)(AMENDMENT) (NO. 6) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 6) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Johor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 6) 2012.**

(2) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 12 September 2012.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [P.U. (A) 401/1989] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala "Negeri Johor Darul Ta'zim"—

(a) dengan memasukkan selepas butiran 33 butiran yang berikut:

"(34). (*Laluan 52*): *Lebuh Raya Sultan Iskandar*

Dari Persimpangan Bertingkat Jalan Tun Razak – Jalan Skudai di koordinat Utara (U) 238215.033, Timur (T) 317641.223 melalui J106 Jalan Sungai Danga/Jalan Pesiaran Perlindungan dan berakhir di Nusajaya di koordinat Utara (U) -68171.341, Timur (T) 6061.311 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 11: Lebuh Raya Sultan Iskandar, Negeri Johor.

Jarak sepanjang 14.5 km."; dan

(b) dengan memasukkan selepas "PETA 10: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR" peta yang berikut: